

## Ulaskan buku / *Book Review*

*Renungan Buat Pencinta Syurga* oleh Mohd Shahrizal Nasir. 2012. Shah Alam: Karya Bestari. 263 halaman.

---

Diulas oleh

<sup>1</sup> IBRAHIM ABU BAKAR

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Penulis buku ini kini seorang pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) setelah mendapat pendidikan menengah di Maahad Johor, Matrikulasi di UIA dan pendidikan peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di UIA. Semasa di UIA penulis berkenalan dengan Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid yang menulis Kata Pengantar (2h) kepada buku ini.

Penulis menulis Prakata (6h) dan Pendahuluan (6h). Dalam Prakata, dinyatakan bahawa buku ini bertujuan menyebarkan dakwah Islamiah kerana penulis menerima pendapat bahawa tugas dakwah adalah tugas individu Muslim mengikut kapasiti atau kemampuan individu. "Tugas menyebarkan ajaran ALLAH tidaklah menjadi satu beban kerana tanggungjawab dan amanah tersebut boleh ditunaikan mengikut kapasiti serta kemampuan masing-masing,"(h.11) Berdasarkan beberapa ayat Quran, penulis menjelaskan tajuk "Kerja Dakwah Tanggungjawab Setiap Muslim"(h.229-236).

Penulis juga menulis buku ini atas kapasiti sebagai 'pemberi ingatan' berdasarkan Quran (51: 55). Manuskrip buku ini telah dibaca dan disemak oleh tiga orang pensyarah, dua lelaki dan seorang wanita, di tiga buah universiti yang berkawan dengan penulis (h.13-14).

Pendahuluan, penulis menyatakan bahawa bukunya "memuatkan 33 buah artikel yang bertujuan menyentuh dan menangi beberapa isu yang timbul di sekeliling kita. Setiap satunya menyentuh perkara-perkara yang berlegar pada tiga perkara asas dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak". Penulis mengakui dia tidak menyentuh setiap isu secara terperinci tetapi penulis berusaha berkongsi pendapatnya dengan para pembaca yang membaca bukunya (h.17).

Buku ini ditulis tanpa menggunakan bab dan tiada bab pertama dan seterusnya. Ia menghimpunkan tajuk-tajuk kecil dalam tiga bidang iaitu akhlak, muamalat dan ibadat. Dalam bidang akhlak (h.21-90), sembilan tajuk kecil iaitu: 1. Tutar Kata

*Corresponding author: Ibrahim Abu Bakar, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.*

*Diserahkan: 12 Januari 2015*

*Diterima: 12 Februari 2015*

*DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0702-07>*

Indah Cerminan Peribadi Muslim, 2. Amalan Meminta Maaf Perlu Jadi Budaya, 3. Hindari Diri Daripada Sifat Munafik, 4. Memuliakan Tetamu Undang Rahmat, 5. Sifat Mahmudah Pra-Syarat Capai Takwa, 6. Pergaulan Bebas Punca Utama Zina, 7. Bertunang Bukan Lesen Hubungan Bebas, 8. Sifat Marah Senjata Syaitan dan 9. Redha Ibu Bapa Jaminan Keberkatan Hidup.

Berpandukan tajuk-tajuk kecil dalam buku ini, maka dua klasifikasi akhlak dapat dijelaskan. Pertama, akhlak yang dipuji atau mahmudah yang perlu individu dan masyarakat Muslim bersifat dengannya seperti bertutur kata indah, meminta maaf, memuliakan tetamu, bersifat mahmudah dan mendapatkan keredaan ibu bapa. Kedua, akhlak yang dicela atau mazmumah yang tidak perlu individu dan masyarakat Muslim bersifat dengannya seperti sifat munafik dalam beriktikad atau berakidah dan dalam amalan, pergaulan bebas dan marah. Akhlak terpuji membawa kebaikan sedangkan akhlak keji membawa kejahatan dan keburukan kepada individu dan masyarakat Muslim.

Dalam bidang muamalat (h.91-176), buku ini mengemukakan dua belas tajuk kecil yang meliputi peranan individu dan masyarakat Muslim terhadap Allah, manusia dan alam sekitar. Dua belas tajuk kecil dalam bidang muamalat terdiri daripada: 1. Pelihara Hubungan Dengan ALLAH dan Manusia, 2. Tanggungjawab Khalifah Pelihara Bumi ALLAH, 3. Amalan Membaca Bentuk Masyarakat Berilmu, 4. Perpaduan Jadi Resipi Kejayaan Negara Madinah, 5. Martabat Guru Setanding Para Ulama, 6. Menuntut Ilmu Satu Proses Berterusan, 7. Malas Berfikir Punca Umat Islam Mundur, 8. Demonstrasi Keterlaluan Cermin Perpecahan, 9. Kesatuan Ummah Jayakan Konsep 1 Malaysia, 10. Hijrah Didik Umat Atur Strategi Hidup, 11. Muslim Perlu Elak Fitnah Terhadap Islam, dan 12. Akidah Kukuh Patahkan Dakyah Musuh.

Dua belas tajuk kecil ini dapat dikelaskan kepada dua tema utama iaitu muamalat manusia dengan Allah seperti memelihara hubungan dengan Allah dan memelihara bumi ciptaan Allah, dan muamalat manusia dengan manusia seperti memelihara hubungan baik dengan manusia melalui perpaduan dan mengekalkan perpaduan kerana negara Madinah pada zaman Nabi Muhammad SAW berjaya mewujudkan perpaduan dan mengekalkannya, dan menjauhi muamalat yang membawa perpecahan seperti demonstrasi dan fitnah. Manusia juga perlu berfikir dan berilmu untuk kejayaan. Oleh itu individu dan masyarakat Muslim perlu memartabatkan guru yang berperanan sebagai sumber ilmu dan fasilitator kepada para penuntut ilmu.

Dalam bidang ibadat (h.177-263) pula, buku ini menjelaskan dua belas tajuk kecil yang terdiri daripada: 1. Wajib Qada Puasa Sebelum Tiba Ramadan, 2. Kuasai Ilmu Puasa Sebelum Ramadan, 3. Berusaha Capai Puasa Terbaik, 4. Beri Ucapan Selamat Tuntutan Pada Hari Raya, 5. Perumpamaan al-Quran Didik Umat Berfikir, 6. Tunai Hak al-Quran Tanggungjawab Semua, 7. Kepentingan Masa Dalam Islam, 8. Remaja Perlu Niat Tunai Haji, 9. Kerja Dakwah Tanggungjawab Setiap Muslim, 10.

Persiapan Diri Menanti Hari Kiamat, 11. Memanfaatkan Peluang *Sayyidul Ayyam*, 12. Zikir Selepas Solat Fardu Dan Doa.

Himpunan kesemua tajuk kecil dalam bidang akhlak, muamalat dan ibadat berjumlah 33 seperti dinyatakan dalam Pendahuluan. Dalam Pendahuluan dinyatakan tiga bidang Islam iaitu akidah, ibadat dan akhlak (h. 17) tetapi nampaknya bidang akidah digantikan dengan bidang muamalat.

Buku ini memang mengandungi 33 tajuk kecil yang dijelaskan dalam tiga bidang iaitu akhlak, muamalat dan ibadat. Dalam menempatkan tajuk-tajuk kecil Sembilan dalam akhlak, dua belas dalam muamalat dan dua belas dalam ibadah, penulis tidak mempunyai ciri-ciri yang jelas dalam membuat klasifikasi tajuk-tajuk kecil berkenaan kerana penulis tanpa menjelaskan skop akhlak, muamalat dan ibadah dalam bukunya. Kebanyakan tajuk kecil yang berjumlah 33 kesemuanya dipilih secara hukum adat, umum, mudah dan munasabah berdasarkan pemerhatian dan pengalaman penulis sendiri. Contoh pertama, tajuk kecil, Malas Berfikir Punca Umat Islam Mundur (h.137-143) adalah mudah dan munasabah tetapi realitinya faktor berfikir semata-mata tidak dapat membawa perubahan dan kemajuan jika umat Islam tidak bebas daripada tekanan dan kezaliman seperti umat Islam di Palestin sejak 1946 sehingga hari ini. Adakah Muslim Palestin tidak berfikir? Muslim di Palestin berfikir untuk membebaskan diri mereka daripada tekanan dan keganasan Israel dan para penyokong Israel tetapi mereka masih tidak berjaya kerana tiada sokongan kuat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat dan lainnya.

Contoh kedua, tajuk kecil, Pergaulan Bebas Punca Utama Zina (h. 60-67) adalah mudah dan munasabah tetapi realitinya zina menjadi satu perkhidmatan untuk mendapat pendapatan kepada manusia yang menawarkan zina yang diperlukan oleh para pelanggan sama seperti pembuat roti menawarkan roti kepada para pelanggan yang memerlukan roti. Saban hari tersiar di akhbar laporan polis menyerbu dan menangkap sejumlah wanita muda yang memperdagangkan diri mereka secara terpaksa atau secara sukarela di banyak lokasi di Malaysia. Zina jenis ini berlaku bukan kerana pergaulan bebas tetapi kerana wang dan kesenangan yang dijanjikan oleh pengurus/penaja/peniaga perkhidmatan seks.

Walaupun beberapa tajuk kecil pilihan penulis boleh dipersoalkan tetapi penulis mungkin dapat mempertahankan semua tajuk pilihan berdasarkan hukum adat yang umum dan mudah seperti dua tajuk kecil yang dijadikan contoh di sini.

Sumbangan utama buku ini kepada penerbitnya mungkin mengemukakan Motivasi Islamik dan sumbangan utama buku ini kepada para pembacanya mungkin motivasi Islamik yang mendorong mereka merenung akidah, amalan dan akhlak mereka sendiri sama ada mendekatkan mereka kepada keredhaan Allah dan menjauhkan mereka daripada kemurkaan Allah. Manusia yang mencintai Syurga

mestilah manusia Muslim yang beragama Islam dan hidup mereka bertujuan mendapat keredaan Allah dan menjauhi kemurkaan Allah melalui berakidah Islam, beribadat secara Islam, bermuamalat secara Islam dan berakhlak dengan akhlak yang dipuji oleh Islam. Buku ini ada memaparkan beberapa aspek dalam bidang akhlak, muamalat dan ibadat berdasarkan terjemahan kepada Quran.

Kekurangan dalam buku ini didapati dalam menyatakan Firman Allah dalam Quran sedangkan ianya tidak bertulis bahasa Quran iaitu Arab tetapi terjemahan Melayu atau Malaysia kepada ayat-ayat Quran. Firman Allah dalam bahasa Arab, bukan dalam bahasa lain. Kalau ayat Quran ditulis dalam bahasa lain selain daripada bahasa Arab, maka ia merupakan terjemahan atau tafsiran kepada ayat Quran dalam bahasa Arab. Mungkin lebih tepat ditulis Firman Allah dalam Quran yang bermaksud atau bermakna kerana apa yang ditulis dalam buku ini adalah maksud atau makna ayat Quran dalam bahasa Melayu/Malaysia, bukan nas Quran dalam bahasa Arab.

Terdapat beberapa ejaan yang tidak konsisten penggunaannya dalam buku ini seperti umat dan ummah dan penulis tidak menyatakan sumber kepada semua terjemahan ayat Quran dalam buku ini dalam Prakata dan Pendahuluan. Dengan tidak menyatakan sumber rujukan kepada semua terjemahan ayat Quran, maka para pembaca mungkin bertanya, siapa penterjemah ayat Quran dalam buku ini? Sumber terjemahan ayat Quran difikirkan perlu dinyatakan kerana terdapat kepelbagaian ejaan dan terjemahan dalam Bahasa Melayu/Malaysia kepada ayat-ayat Quran mengikut para penterjemah Quran dalam bahasa berkenaan.

Buku ini menulis huruf kecil 'Muslim' contohnya di h. 11, 12, 15 sedangkan Muslim adalah nama khas kepada penganut agama Islam sama seperti nama khas Hindu kepada penganut agama berkenaan. Mungkin penulis mahu membezakan ejaan Muslim yang mengumpul Hadis daripada Muslim yang tidak mengumpul Hadis. Pengulas berpendapat kedua-nama nama khas itu perlu ditulis Muslim kerana ia nama khas, bukan nama am atau umum. Buku ini juga menulis 'ALLAH' sedangkan ia boleh ditulis Allah. Persembahan teks buku ini tidak kontras kerana ada latar belakang bayang hitam/kabur, tidak terang walaupun kulit luar depan dan kulit luar belakang berwarna-warni cerah hijau muda dan biru muda.